

16/11/1997

Bolehkah kita desak Clinton letak jawatan?

ALKISAHNYA, teman rasa memang tiada pilihan bagi kita selain menyanggah draf resolusi anggota Kongres Amerika Syarikat Robert Wexler, yang minta Dr Mahathir memohon maaf atau letak jawatan kerana dilapor menyatakan ada konspirasi Yahudi di sebalik krisis mata wang di Asia Tenggara.

Teman rasa pelik sebab draf resolusi itu dianjurkan oleh seorang anggota badan perundangan sebuah negara, yang kononnya memperjuangkan dan mendokong prinsip demokrasi.

Apa yang jelas ialah Malaysia sebuah negara demokrasi. Ia berpegang kepada amalan bahawa rakyatlah yang menentukan pemimpinnya menerusi proses pilihan raya.

Jadi apakah munasabah bagi mana-mana negara atau mana-mana ahli kongres menuntut pemimpin sesebuah negara merdeka dan berdaulat untuk meminta maaf, kemudian memberikan kata dua atau memilih untuk meletakkan jawatan? Tentulah tidak masuk akal, kurang wajar, tidak tepat dan tidak demokratik.

Oleh itu, kita harus bersungguh-sungguh menentang draf resolusi berkenaan. Demi mempertahankan kewibawaan dan kebebasan, kita perlu memberi mesej yang jelas dan padu kepada semua pihak termasuk Kongres Amerika atau kepada beberapa anggotanya.

Kita juga mesti mengisytiharkan sokongan bulat kepada Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri dan membantah sebarang usaha untuk campur tangan dalam politik negara ini.

Amerika tiada hak untuk campur tangan. Sama seperti kita tidak boleh menuntut Bill Clinton meletak jawatan atas apa jua kesilapannya, Amerika juga tidak boleh memandai-mandai untuk mendesak Dr Mahathir berbuat demikian.

(END)